

**PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN
DARI TAHUN 1990 HINGGA 2015: KAJIAN ASPEK PENJAGAAN
AKIDAH DALAM HIBURAN**

Oleh:
Mohd Asri b. Che Ibrahim ¹
Shukeri b. Mohamad ²

ABSTRAK

Seni dan hiburan merupakan suatu yang sukar dipisahkan daripada kehidupan manusia. Setiap masa manusia terdedah dengan kesenian dan hiburan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Walaupun kesenian dan hiburan merupakan sebahagian daripada Islam, namun ia perlu mengambil kira batas-batas yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Ini kerana kesenian dan hiburan yang melampau menimbulkan banyak kesan negatif dalam masyarakat seperti unsur-unsur syirik, khurafat, pemujaan roh, pergaulan bebas, maksiat, pil kuda dan dadah. Untuk mengelakkan rakyat Kelantan terjebak dengan kesenian dan hiburan yang melampau ini, kerajaan Kelantan telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti mewujudkan Dasar Kesenian dan menguatkuasakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Kajian ini bertujuan untuk melihat langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Kelantan bagi menjaga dan memperkasakan akidah dalam kalangan rakyat Kelantan sebelum ini yang dilihat masih berbaur dengan amalan yang berlawanan dengan akidah melalui pelaksanaan seni dan hiburan. Bagi melengkapkan kajian, penulis menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen rasmi seperti surat pekeliling, warta, enakmen dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan Kelantan. Hasil kajian mendapati usaha tersebut dapat mengurangkan amalan khurafat dan gejala sosial di Kelantan. Diharap kajian ini

¹ Mohd Asri b. Che Ibrahim, pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.

² Shukeri b. Mohamad (Ph.D), pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.

boleh membantu para pengkaji kesenian disamping menambahkan lagi koleksi ilmu dan bahan rujukan untuk semua pihak.

Kata kunci: *Kesenian, Hiburan, Enakmen, Garis Panduan, Akidah*

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada seluruh manusia tanpa mengenal bangsa, keturunan dan warna kulit. Islam agama yang sesuai kepada semua manusia kerana mengikut *wāqī'ī* dan sesuai dengan fitrah manusia, tempat, zaman dan situasi. Antara keistimewaan Islam ialah mengambil berat tentang kebudayaan dan kesenian. Kedua-dua bidang ini sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat. Oleh itu, setiap hasil ciptaan manusia dalam bentuk kebudayaan dan kesenian sepatutnya menggambarkan kebenaran dan kekuasaan Allah S.W.T. Dengan demikian, ia akan menampakkan bahawa kebudayaan dan kesenian itu tidak bercanggah dengan Islam. Malah Allah S.W.T menyuruh umat Islam mengambil berat tentang kecantikan sebagaimana firmanNya:

يَبْنِيْ ءَادَمَ خُدُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا

تُسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾

(Al-A'rāf 7:31)

Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.

Malangnya ada sesetengah golongan manusia tidak menjadikan Allah S.W.T dan syariatNya sebagai petunjuk dalam kehidupannya, maka mereka akan mencipta kebudayaan dan kesenian yang bercanggah dengan kehendak Islam. Realiti di Malaysia pada hari ini juga menunjukkan bahawa kebudayaan dan kesenian telah diresapi oleh budaya Barat. Hal ini dapat kita saksikan pada muzik, filem dan fesyen. Iklan yang dipaparkan juga banyak merangsang ke arah hidup berfoya-

foya dan mewah. Perkembangan kebudayaan dan kesenian kita juga banyak dipengaruhi oleh kepentingan ekonomi dan telah terlepas dari kawalan agama dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini dan Islam sebagai agama rasmi.

Pada zaman sekarang bidang kesenian dan hiburan menjadi tumpuan setiap masyarakat di dunia. Setiap masa dan ketika manusia disajikan dengan pelbagai kesenian dan hiburan dalam pelbagai bentuk sama ada melalui media massa, media cetak, elektronik dan persembahan pentas. Memang tidak dinafikan kesenian dan hiburan adalah penting dan menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia. Tanpa kesenian dan hiburan jiwa manusia akan sunyi malah mungkin boleh memberontak. Islam sendiri merupakan agama yang mengambil berat dengan kesenian dan hiburan kerana ia merupakan naluri dalam kehidupan manusia. Rasulullah S.A.W sendiri tidak melarang malah pernah mengesyorkan supaya diadakan hiburan dalam majlis perkahwinan³.

Walau bagaimanapun pada hari ini kesenian dan hiburan seperti nyanyian lebih cenderung ke arah memberi kesan negatif kepada masyarakat. Salah satu faktor yang membawa kepada berlakunya perkara sedemikian ialah kerana tiada pengawalan dan peraturan yang berkesan dari kerajaan. Dalam menghadapi masalah ini, Kerajaan Kelantan telah mengambil langkah proaktif untuk menjaga kesenian dan hiburan di Kelantan supaya tidak bertentangan dengan syariat dan akidah Islam. Penulisan ini bertujuan untuk mengetengahkan beberapa langkah yang

³ Dari 'Ā'ishah r.h. baginda berkata: 'Pada suatu hari Rasulullah masuk ke tempatku. Di sampingku ada dua gadis perempuan hamba yang sedang mendendangkan nyanyian (tentang hari) Bu'ats (Bu'ats adalah nama salah satu benteng untuk al-Aws yang jaraknya kira-kira dua hari perjalanan dari Madinah. Di sana pernah terjadi perang yang dahsyat antara kabilah Aws dan Khazraj tepat tiga tahun sebelum hijrah. Dalam riwayat Muslim ditambah dengan menggunakan rebana).(Kulihat) Rasulullah S.A.W berbaring tetapi dengan memalingkan mukanya. Pada saat itulah Abu Bakar masuk dan ia marah kepada saya. Katanya: 'Di tempat Nabi ada seruling syaitan?' Mendengar seruan itu, Nabi lalu menghadapkan mukanya kepada Abu Bakar seraya bersabda: 'Biarkanlah keduanya, hai Abu Bakar!' Tatkala Abu Bakar tidak memperhatikan lagi maka saya suruh kedua-dua hamba perempuan itu keluar. Waktu itu adalah hari raya di mana orang-orang Sudan sedang (menari dengan) memainkan alat-alat penangkis dan senjata perangnya (di dalam masjid)... Lihat: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no.h. 949, 925. Lihat juga Sahih Muslim, no.h. 829 dengan tambahan lafz: (وَأَيْسَتَا مُغْنِيَتَيْنِ) 'Kedua-duanya (perempuan itu) bukanlah penyanyi'). Dalam riwayat lain Imam Bukhari menambahkan lafaz (يَا أَبَا بَكْرٍ إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عَيْدًا وَ هَذَا عَيْدُنَا) Wahai Abu Bakar, sesungguhnya tiap bangsa punya hari raya. Sekarang ini adalah hari raya kita (umat Islam). Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no.h. 509, 511).

dilakukan oleh kerajaan Kelantan dalam usaha menjaga dan memperkasakan akidah umat Islam di Kelantan melalui kesenian dan hiburan.

KONSEP KESENIAN DAN PEMBAHAGIANNYA

Mengikut *Kamus Dewan*, seni bermaksud sesuatu karya sama ada sajak, lukisan, muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil daripada sesuatu ciptaan⁴. Seni juga didefinisikan sebagai sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan melalui kata-kata dan bahasa. Dalam penggunaan semasa, seni didefinisikan sebagai sesuatu kriteria yang estetika dan ia meliputi kesusasteraan, muzik, drama, lukisan, binaan, bangunan dan ukiran⁵. Menurut Drs. Sidi Gazalba kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera yang lima⁶. Malah manusia juga dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan melalui pancaindera rasa⁷.

Mengikut pandangan Barat, seni tiada hubungan dengan agama. Hal ini demikian kerana mereka mengamalkan dasar pengasingan antara perkara dunia atau pemerintahan dengan urusan agama⁸. Walau bagaimanapun, seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan mempunyai hubung kait dengan moral. Definisi yang paling sesuai bagi penulis ialah seni sebagai suatu penjelmaan rasa indah yang terkandung dalam jiwa manusia, dilahirkan dengan perantaraan alat komunikasi ke dalam bentuk yang dapat ditangkap oleh pendengar (seni suara), penglihatan (seni lukis), atau dilahirkan dengan perantaraan gerak seperti seni tari dan drama. Seni juga boleh dibahagikan kepada dua bahagian dengan dua tujuan iaitu seni untuk seni dan seni untuk masyarakat. Seni

⁴ *Kamus Dewan* (1996), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, h. ____.

⁵ Abdul Rahman Abdullah (2006), *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*, Selangor: Karisma Publications, h.62.

⁶ Sidi Gazalba (1983), *Pandangan Islam Tentang Seni*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 30-35.

⁷ *Ibid.*

⁸ Wan Ismail Wan Jusoh (1999), *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Nik Mat*, Kota Bharu: Dian Darulnaim, h. 431.

untuk seni bermaksud tujuannya hanyalah untuk berseni sahaja dan orang yang mencipta seni ini bebas dengan tujuan masing-masing sama ada ia mengandungi unsur baik atau jahat. Manakala seni untuk masyarakat pula mempunyai tujuan tertentu. Malah ia mestilah difahami oleh masyarakat berkenaan sama ada berkaitan dengan kemasyarakatan, politik dan akhlak. Kesenian merupakan sebahagian daripada kebudayaan manakala agama Islam pula mengandungi unsur-unsur kebudayaan. Dengan itu, kesenian adalah sebahagian daripada Islam. Malah Islam juga diturunkan mengikut fitrah, naluri atau keperluan asasi manusia yang ingin kepada keselamatan dan kesenangan.

KESENIAN DAN HIBURAN PADA PANDANGAN ISLAM

Kesenian dan hiburan merupakan suatu yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan manusia. Kenyataan ini berpandukan kepada dalil-dalil berikut:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ

وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ...

(Al-A'rāf 7: 157)

Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan bagi mereka segala benda buruk, dan ia juga menghapuskan dari mereka segala beban dan belunggu yang ada pada mereka.

Rasulullah S.A.W telah menggambarkan dengan jelas mengenai hubung kait kesenian dan hiburan dengan kehidupan manusia melalui hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah r.h. sebagaimana berikut:

أَنَّهَا زَفَّتْ امْرَأَةً إِلَى رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فَقَالَ النَّبِيُّ (ص): يَا عَائِشَةُ مَا كَانَ مَعَكُمْ مِنْ هُوٍ فَإِنَّ الْأَنْصَارَ يُعْجِبُهُمُ اللَّهُ

Bahawa dia pernah mengahwinkan seorang akidah dengan seorang laki-laki dari kalangan Ansar. Maka Rasulullah S.A.W bersabda: 'Hai 'Aisyah, tidak adakah padamu hiburan (nyanyian) kerana sesungguhnya

orang-orang Ansar suka dengan dan hiburan (nyanyian)⁹.'

Dr. Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa hukum seni muzik yang pada asalnya bersifat harus tetapi boleh berubah kepada hukum-hukum lain seperti haram apabila melanggar batas-batas syariat¹⁰. Sheikh Mahmud Shaltut, bekas Sheikh al-Azhar pula berpendapat mendengar suara indah dan merdu sama ada daripada binatang, manusia atau apa-apa alat atau kecenderungan untuk mempelajari sesuatu daripadanya merupakan keinginan untuk memenuhi tuntutan naluri. Selagi perkara itu tidak melalaikannya daripada kewajipan agama, bersesuaian dengan nilai akhlak dan bersesuaian pula dengan kedudukannya, maka ia diharuskan¹¹.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka jelas kesenian dan hiburan seperti nyanyian dibenarkan dalam Islam. Berdasarkan kelonggaran yang diberikan oleh Baginda S.A.W ini bermakna, Islam tidak melarang persembahan nyanyian. Malah dalam hadis yang lain pula Rasulullah S.A.W melarang Abu Bakar dari menghalang persembahan nyanyian. Walaupun kesenian dan hiburan dibenarkan dalam Islam, namun terdapat beberapa pengecualian tertentu terutamanya apabila bercanggah dengan prinsip Islam seperti berlaku pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, akidah, perjudian dan mabuk dalam majlis tersebut. Dengan kata lain hiburan boleh diadakan tetapi dalam acuan dan batasan yang ditetapkan oleh Islam. Islam tidak menghalang sesuatu yang selari dengan fitrah manusia sama ada melalui kesenian atau hiburan seperti nyanyian selagi ia tidak berlawanan dengan syariat Islam dan nilai-nilai kemasyarakatan.

LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN AKIDAH DALAM AKTIVITI KESENIAN DAN HIBURAN DI KELANTAN

Oleh kerana akidah merupakan suatu yang penting bagi seseorang Islam, maka Kerajaan Kelantan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menjaga akidah dalam aktiviti kesenian dan hiburan di Kelantan supaya tidak melanggar syariat Islam, antaranya :

⁹ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* no.h. 5162. Lihat juga: al- Syawkānī, *Nayl al-Awṭār*, j. VI, h. 187.

¹⁰ Yūsuf al-Qarḍāwī (2011), *Fiqh al-Ghinā' wa al-Mawsīqī fī al-Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Qāhirah: Maktabat Wahbah, h. 81.

¹¹ Muḥmūd Shaltūt (1960), *al-Fatāwā*, Qāhirah, Dār al-Shurūq, h. 88.

1. Dasar Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan

Kerajaan negeri Kelantan telah mewujudkan Dasar Kebudayaan dan Kesenian sejak tahun 1993 lagi. Dengan dasar ini kerajaan Kelantan telah menetapkan beberapa prinsip supaya akidah penggiat seni, penonton dan orang ramai yang terlibat dengan aktiviti kesenian dan hiburan terjaga dan terselamat dari unsur-unsur yang boleh merosakkan akidah. Prinsip ini telah diterima dan dijadikan sebagai peraturan bagi sesuatu persembahan, pertunjukan kesenian dan hiburan yang melibatkan orang ramai¹². Antara prinsip utama dalam Dasar Kebudayaan dan Kesenian yang bertujuan untuk menjaga akidah masyarakat ialah¹³:

- a) Kebudayaan dan kesenian mestilah berlandaskan Islam bermula dengan niat, jenis, ekspresi dan tujuan menuju ke arah mencapai keredhaan Allah S.W.T.
- b) Amalan-amalan yang bercanggah dengan syarak dalam aktiviti kebudayaan mestilah dihapuskan dan digantikan dengan amalan yang sesuai dengan kehendak agama.

Berdasarkan prinsip tersebut, kerajaan Kelantan telah mengarahkan supaya dibuat pembaharuan atau menghapuskan unsur-unsur syirik dan khurafat dalam persembahan kesenian dan hiburan seperti yang terdapat pada Menora dan Main Puteri. Langkah ini bertujuan menjaga akidah umat Islam dari terpengaruh dengan unsur-unsur syirik dan khurafat yang boleh merosakkan akidah seseorang Islam.

2. Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998

Selain daripada mewujudkan Dasar Kebudayaan dan Kesenian, kerajaan Kelantan juga turut menyediakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998¹⁴. Enakmen ini telah digubal dan diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) pada 29 Oktober 1998¹⁵ untuk menggantikan Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936. Sebelum tahun 1998, pihak berkuasa negeri Kelantan masih lagi menggunakan undang-undang kawalan hiburan yang

¹² Lihat peraturan persembahan dikir barat yang dikeluarkan oleh MPKB BRI.

¹³ *Dasar Kesenian Negeri Kelantan Darulnaim*, h.25

¹⁴ Enakmen No.8 Tahun 1998 P.U Kn.619/Jld.1;SUK.(S)D.200/420/1/2/Jld.47. (Diluluskan oleh DUN Kelantan pada 29 Oktober 1998).

¹⁵ Berita Harian, November 5, 1998.

diperkenalkan oleh penjajah terutamanya *Theatres and Place Of Public Amusement Enactment No.47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 [N.M.B]. En 47/36. Walaupun selepas merdeka telah diwujudkan Peraturan Panggung Wayang dan Tempat Penghiburan 1957, namun dari segi pelaksanaannya masih lagi mengikut *Theatres and Place of Public Amusement Enactment No. 47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 [N.M.B]. En 47/36¹⁶. Dengan terbatalnya Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 ini, maka ia telah memberi kuasa yang luas kepada kerajaan negeri untuk mengawal semua jenis kesenian dan hiburan¹⁷.

Walaupun enakmen tersebut merupakan dokumen yang tertinggi dalam pengeluaran lesen, tetapi ia tidak lengkap kerana tidak mempunyai keterangan yang jelas tentang jenis-jenis, ciri-ciri dan unsur-unsur yang terkandung dalam kesenian dan hiburan sama ada yang dibenarkan atau tidak dibenarkan. Sebaliknya ia hanya mengandungi peruntukan-peruntukan tentang lokasi premis sesuatu tempat persembahan dibenarkan, masa persembahan, pihak yang diberikan kuasa untuk meluluskan lesen bagi mengadakan hiburan, cukai, denda, keamanan dan keselamatan (awam, individu dan harta benda). Untuk mengetahui maklumat lengkap berkenaan peraturan persembahan masih perlu merujuk kepada Garis Panduan Persembahan Kesenian dan Hiburan 1998.

3. Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Kesenian Dan Hiburan) Negeri Kelantan 1998

Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Kesenian dan hiburan) di negeri Kelantan 1998 dan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dilulus bersama dalam persidangan DUN Kelantan pada 29 Oktober 1998. Enakmen ini tidak membatalkan mana-mana kesenian dan hiburan sama ada tradisional atau moden. Malah ia meliputi kesemua jenis hiburan, permainan, pameran, pertunjukan, pesta dan pertandingan yang terdapat di negeri Kelantan¹⁸. Kesemua peraturan ini bertujuan supaya

¹⁶ *Dua Dekat Kelantan Membangun Bersama Islam*, h.346.

¹⁷ Keabsahan dokumen tersebut ditandatangani dengan Mohor Kerajaan oleh Sultan Kelantan pada 8 Oktober 1998. Undang-undang tersebut diluluskan bersama-sama dengan dokumen-dokumen tambahan (annexational documents) yang memperincikan aspek-aspek kesenian dan hiburan dan kegiatan kebudayaan. Dokumen-dokumen tersebut menjadi penyuluh bagi pihak berkuasa, iaitu perlesenan dan penguatkuasaan, semasa menjalankan tugas mereka.

¹⁸ Lihat Jadual (Seksyen 1) Enakmen Kawalan Kesenian dan hiburan dan Tempat-tempat Kesenian dan Hiburan 1998.

kegiatan kesenian dan hiburan selari dengan Dasar Membangun Bersama Islam disamping tidak melanggar syariat Allah S.W.T. Dalam Garis Panduan ini dinyatakan tentang hiburan tradisional yang mengandungi perkara-perkara syirik dan khurafat. Antaranya:

i. Wayang kulit

Terdapat dua jenis wayang kulit di Kelantan, iaitu wayang Siam dan Wayang Melayu. Wayang Siam mempunyai pengaruh Siam, manakala Wayang Melayu mempunyai pengaruh Jawa (Hindu). Antara kedua-dua wayang ini, Wayang Melayu adalah yang paling terkenal. Sebelum pertunjukan wayang kulit dimulakan, suatu upacara kenduri untuk menyembah guru harus dilakukan, sebagai acara untuk membuka panggung. Upacara ini memerlukan peralatan seperti beras pulut, pulut kunyit, telur ayam, bertih, benang, dua tapak sirih pinang - satu untuk guru dan satu lagi untuk upacara kenduri tersebut - rokok daun, kemenyan, tepung dadar tawar dan buah keras.

Sebidang kain putih yang dikenali sebagai 'kelir' digunakan sebagai layar. Cerita yang dibawa oleh Tuk Dalang yang mengetuai persembahan itu biasanya diambil dari epik Hindu yang terkenal, iaitu Ramayana dan Mahabrata. Patung-patung yang dicipta adalah mewakili watak-watak penting dalam epik tersebut. Walau bagaimanapun, kadang-kadang ada juga Tuk Dalang menyanyikan lagu mengikut peristiwa dan keadaan semasa.

ii. Mak Yong

Berdasarkan permainan dan persembahan, Mak Yong digambarkan sebagai taridra Melayu yang menggabungkan drama romantik, gerak tari, nyanyian dan komedi. Ia biasanya dimainkan oleh gadis-gadis jelita yang beraksi sebagai lelaki dan wanita. Manakala, Tukang lawak dimainkan oleh lelaki. Persembahan ini biasanya berjalan selama lebih dua jam dan diiringi muzik rebab, gendang dan tawak-tawak (gong) sementara ceritanya pula berkisar pada kisah percintaan antara puteri raja pada zaman dahulu.

iii. Main Puteri

Main Puteri bermula sebagai satu cara perubatan alternatif dengan menggunakan alunan muzik yang menarik dan mempunyai sebahagian kepercayaan animisme. Kepercayaan animisme atau kepercayaan kepada makhluk halus dan roh dipercayai merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula muncul dalam kalangan manusia primitif purbakala.

Kepercayaan animisme ialah satu kepercayaan setiap benda di bumi ini (seperti kawasan tertentu, gua, pokok atau batu besar) mempunyai semangat yang mesti dihormati agar semangat tersebut tidak mengganggu manusia, malah melindungi mereka dari semangat dan roh jahat serta kehidupan seharian mereka. Semangat ini juga dikenali dengan pelbagai nama, antaranya jin, mambang, roh, datuk, tuan dan penunggu. Kadang-kadang semangat ini juga dianggap sebagai roh mereka yang telah meninggal yang kini menetap di tempat berkenaan.

iv. Menora

Menora juga merupakan persembahan taridra yang melibatkan tarian, lakonan, nyanyian dan lawak jenaka. Tarian Menora dimainkan oleh pemakai-Pak Sidul sebagai watak utama, Pak Tolol, penari-penari dan pemuzik. Penari-penarinya memakai pakaian yang dinamakan ceropong, iaitu mahkota yang dipakai di atas kepala dan bentuknya sama dengan bentuk piramid atau 'kun'. Bajunya bersayap, dihiasi dengan manik, ada ekor dan sayap sandang. Beberapa gelang perak dan tembaga dipakai di tangan, dan diujung jari dipakai cerangai, iaitu seakan-akan kuku panjang. Acara 'buka panggung' akan dilakukan dengan upacara pemujaan dan jampi serapah oleh seorang ketua dengan dibantu oleh penolongnya. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Siam. Dalam upacara buka panggung, tiga batang lilin dihidupkan di atas kain putih, kemenyan dibakar dan jampi serapah pun dibaca. Beras putih ditabur di sekitar panggung dan diikuti bunyi muzik yang dibunyikan secara serentak.

4. Garis Panduan Persembahan Kesenian Dan Hiburan 2003

Untuk memperkemaskan lagi langkah penguatkuasaan serta kawalan terhadap kesenian dan hiburan di Kelantan, maka Kerajaan negeri telah mewujudkan satu peraturan baru iaitu Garis Persembahan Kesenian dan hiburan 2003. Garis panduan terbaru ini diwujudkan untuk menjelaskan maksud serta jenis kesenian dan hiburan di bawah Kawalan Kerajaan Negeri berdasarkan kepada Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Ia juga merupakan panduan kepada pihak berkuasa tempatan, penggiat seni dan orang awam. Garis panduan ini menjelaskan beberapa jenis hiburan tradisional yang perlu dikawal selia dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Antara langkah-langkah penjagaan akidah melalui garis panduan ini ialah menjelaskan unsur-unsur yang perlu diubah suai terutama hiburan tradisional seperti wayang kulit, Mak Yong dan Main Puteri sebelum dipertontonkan kepada orang ramai.

Orang ramai dan para penggiat seni yang ingin mendapatkan maklumat tentang kriteria-kriteria kesenian dan hiburan yang dibenarkan mestilah merujuk kepada Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Kesenian dan hiburan) di negeri Kelantan 1998¹⁹ dan Garis Panduan Persembahan Kesenian dan hiburan 2003. Enakmen Kawalan Hiburan dan garis panduan tersebut lengkap mengandungi langkah-langkah untuk menjaga akidah dalam aktiviti kesenian dan hiburan supaya tidak menyalahi dengan syariat Islam dan akhlak Islamiah.

5. Menghadkan Penglibatan Wanita Dalam Persembahan Kesenian Dan Hiburan Secara Terbuka

Kerajaan Kelantan telah melarang kaum wanita yang melebihi umur 12 tahun ke atas terlibat dalam persembahan kesenian dan hiburan seperti menyanyi, dikir barat dan nasyid secara terbuka di hadapan orang ramai. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada timbul sebarang fitnah, pendedahan aurat dan berlaku pergaulan bebas. Oleh kerana, wanita juga minat dan ingin terlibat dengan dunia kesenian dan hiburan, maka kerajaan Kelantan telah mencadangkan kepada mereka supaya mengadakan persembahan kesenian dan hiburan di tempat-tempat tertutup dan penontonnya terdiri daripada kaum wanita sahaja. Hal ini telah dijelaskan dalam Dasar Kebudayaan dan Dasar Kesenian Kelantan iaitu Wanita dan lelaki hendaklah diasingkan dalam sebarang kegiatan kebudayaan dan kesenian. Wanita juga tidak boleh dijadikan sebagai alat tontonan lelaki.

6. Ambil alih Pusat Penerangan Pelancongan Dan Gelanggang Seni

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) telah ditubuhkan pada 1979. Walau bagaimanapun, pada 1hb. April 1994 ia telah diambil alih oleh kerajaan negeri Kelantan dari pengurusan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Keputusan ini dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 20hb. Mac 1994. Mulai 1hb. Januari 1995 ia dikenali sebagai “Bahagian Pelancongan, Kebudayaan dan Sukan” dan dibawah tanggungjawab Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).

Untuk memenuhi permintaan pelancong dan para pengkaji kesenian di Kelantan, maka kerajaan negeri Kelantan menjadikan

¹⁹ *Dua Dekat Kelantan Membangun Bersama Islam*, h.354.

Gelanggang Seni di Kota Bharu sebagai Zon Eksklusif dan tempat persembahan kesenian yang tidak diselia iaitu masih mengekalkan ciri-ciri serta gaya persembahan lama seperti wayang kulit, Mak Yong dan Main Puteri. Pusat Pelancongan dan Gelanggang Seni memainkan peranan yang sangat penting kepada perkembangan kebudayaan dan kesenian di Kelantan. Ini kerana, organisasi ini merupakan organisasi yang banyak membantu dalam melaksanakan Dasar Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan. Antara aktiviti yang diadakan di Gelanggang Seni seperti jadual (1) satu di bawah.

Jadual 1: Contoh Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian di Gelanggang Seni

Hari	Petang	Acara	Malam	Acara
Sabtu	3.30-5.30	Rebana Gasing Uri	9.00-11.00	Persembahan Tradisional
Isnin	3.30-5.30	Silat Tari Demo Buat Wau Congkok	9.00-11.00	-
Rabu	3.30-5.30	Kertok Gasing Pangkah Pencak Silat	9.00-11.00	Wayang Kulit

Sumber: Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan

Menurut Encik Nordin Hussin, Pengurus Gelanggang Seni Kota Bharu, setakat ini dua belas kumpulan wayang kulit yang telah berdaftar dengan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan sama ada yang mempunyai panggung atau tidak mempunyai panggung. Bagi Tok Dalang yang tidak mempunyai panggung, mereka bebas untuk membuat persembahan dengan mana-mana kumpulan yang diminati. Gelanggang Seni juga menganjurkan tarian campuran yang melibatkan kaum lelaki dan perempuan tetapi dengan syarat mestilah berpakaian tertib dan sopan. Selain dari itu, Pusat Penerangan Pelancongan juga turut mempromosikan kebudayaan dan kesenian Kelantan di negeri-negeri lain. Bagi kumpulan dikir barat, kumpulan ini sering dijemput untuk membuat persembahan di tempat-tempat lain. Jika persembahan diadakan di Gelanggang Seni mereka akan dibayar dengan jumlah RM500.00 bagi setiap kumpulan manakala persembahan di luar seperti di majlis perkahwinan, mereka akan dibayar sebanyak RM 1000.00 untuk satu kumpulan.

KESAN PELAKSANAAN DASAR KESENIAN TERHADAP PELANCONGAN DI KELANTAN

Pelaksanaan Dasar Kebudayaan dan Kesenian di Kelantan memberi kesan positif kepada industri pelancongan di Kelantan. Kenyataan ini berdasarkan kepada statistik peningkatan jumlah kemasukan pelancong tempatan dan antarabangsa ke Kelantan dari tahun 2000 hingga 2012. Peningkatan berlaku hampir setiap tahun sepanjang tempoh tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan didalam jadual (2) dua dibawah.

Jadual 2: Kemasukan Pelancong Tempatan dan Antarabangsa ke Kelantan Tahun 2000 hingga 2012.

Tahun	Bil. Pelancong Domestik	Bil. Pelancong Antarabangsa	Jumlah Keseluruhan
2000	2235024	527969	2762993
2001	2830625	650276	3480901
2002	3514674	610531	4215205
2003	3960000	561572	4521572
2004	4266286	590964	4857250
2005	4509162	621705	5130867
2006	4212247	674004	4886251
2007	4114007	1839675	5953682
2008	4396242	541500	4937742
2009	4229392	573649	4803041
2010	4464017	922072	5386089
2011	3627272	1314155	4941427
2012	3865373	1211754	5077127

Sumber: *Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan*

Berdasarkan statistik tersebut didapati jumlah kemasukan pelancong ke Kelantan sama ada dari dalam atau luar negara semakin meningkat terutama pada tahun 2007 berbanding dengan kemasukan pelancong pada tahun 2000 dan 2001, amat jelas sekali bahawa para pelancong suka berkunjung ke Kelantan. Ini menunjukkan bahawa para pelancong berminat untuk berkunjung ke Kelantan dan melihat sendiri perubahan serta perkembangan kerajaan Kelantan dalam bidang pentadbiran, pembangunan, pelancongan, kebudayaan dan kesenian. Selain dari itu, mereka berkunjung ke Kelantan bukan semata-mata ingin melihat kraftangan, persembahan kebudayaan, kesenian dan permainan

tradisional tetapi mereka juga ingin melihat amalan agama dalam kalangan rakyat Kelantan sehingga terkenal dengan gelaran Serambi Mekah²⁰.

KESIMPULAN

Berdasarkan pemerhatian kepada langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan dalam bidang kesenian, maka jelaslah tujuan untuk menjaga akidah umat Islam terutama mereka yang bergiat dalam persembahan kesenian dan hiburan tradisional dapat dicapai. Langkah-langkah menguatkuasakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Kesenian Dan Hiburan) Negeri Kelantan 1998 dan Garis Persembahan Kesenian dan hiburan 2003 banyak membantu kerajaan Kelantan dalam menjaga dan mengawal akidah umat Islam di Kelantan khususnya dan di Malaysia amnya. Kesemua tindakan itu merupakan *siāsah shar‘iyyah* kerana bertujuan memberi kemaslahatan kepada umat Islam iaitu mendekatkan mereka dengan kebaikan dan menjauhi daripada perkara mungkar dan syirik.

Semua peraturan dan larangan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Kelantan untuk menjaga akidah umat Islam supaya tidak menyeleweng dari ajaran Islam yang suci. Dengan pelaksanaan peraturan-peraturan tersebut tidak bermakna kerajaan Kelantan anti kepada kesenian dan hiburan sama ada secara tradisional atau moden. Walaupun ia merupakan langkah yang baik dan menepati dengan kehendak Islam, namun masih ada usaha-usaha untuk menghidupkan semula hiburan tradisional ini yang bercanggah dengan Islam. Dengan kuasa yang terhad, kerajaan Kelantan telah berusaha untuk melaksanakan amanah sebagai pentadbir kerajaan Kelantan. Usaha ini boleh dianggap berjaya kerana ramai rakyat Kelantan mula memahami tentang larangan terhadap kesenian tradisional seperti Mak Yong dan Menora. Malah majoriti golongan remaja pun kurang berminat dengan kesenian tersebut.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

²⁰ Ucapan Menteri Besar Kelantan, Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat sempena Majlis Perasmian Pelancaran Tahun Melawat Kelantan 1998, pada 19 Jamadil Awal 1418H bersamaan 21 September 1997.

Pelaksanaan Dasar Kesenian di Negeri Kelantan dari Tahun 1990 hingga 2015: Kajian Aspek Penjagaan Akidah dalam Hiburan

Abdullah Muhammad Basmeih (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur: Dār al-Fikr.

Al-Bukhārī (1400H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, c.1, Qāhirah: Dār al-Salafī.

Al-Burhānī, Muḥammad Hisyām (1985), *Sadd al-Dharāi' fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Bayrūt: Maṭba'at al-Rayhānī.

Al-Qarḍāwī, Yūsuf (2011), *Fiqh al-Ghinā' wa al-Mawsiqī fī al-Ḍaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Qāhirah: Maktabat Wahbah.

Ismail Yusoff (2015), *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik*, Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

Pusat Kajian Strategik (2005), *Dasar Kesenian Negeri Kelantan Darulnaim*

Pusat Kajian Strategi (2011), Dua Dekat Kelantan Membangun Bersama Islam, Kelantan: Kota Bharu.

Paizah Hj.Ismail & Ridzwan Ahmad (2000), *Feqh Malaysia, Ke Arah Pembinaan Feqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Pusat Kajian Strategik (2000), *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*, Kota Bharu: Dian Darulnaim.

Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, *Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003*.

Pekeliling Am Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, *Garis Panduan Persembahan Wayang Kulit*. Tarikh berkuatkuasa pada 23 Oktober 2003.

_____. (1997). *Fatawa al-Mu'asirah*, Albaz Publishing & Distribution Sdn Bhd.

Md.Salleh b. Hj. Md@Hj. Ahmad (2011). *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muḥmūd Shaltūt (1960), *al-Fatāwā*, Qāhirah, Dār al-Shurūq.

Pelaksanaan Dasar Kesenian di Negeri Kelantan dari Tahun 1990 hingga 2015: Kajian Aspek Penjagaan Akidah dalam Hiburan

Muhammad Hishām (1985), *Sadd a-Zarā'i fī al-Sharīah al-Islāmiyyah*.
Bayrūt.

Wan Ismail Wan Jusoh (1999), *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Nik Mat*, Kota Bharu: Dian Darulnaim.

Zainuddin Awang Hamat (2000), *Bagaimana Kelantan Memilih Kerajaan*.
In Dinsman (Ed.), *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*.
Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.